

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkaitan pemantauan dan penyelenggaraan terhadap infrastruktur dan kemudahan air serta sistem kumbahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Abang (SMKAKA) Dungun Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam menyediakan kemudahan infrastruktur sekolah yang selamat dan selesa untuk diguna oleh warga sekolah. Sehubungan itu, pada tahun 2020 sebanyak RM20.74 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu bagi tujuan penyelenggaraan untuk 505 buah sekolah.

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM2.57 juta telah disalurkan kepada 65 buah sekolah di Parlimen Dungun, termasuk peruntukan untuk penyelenggaraan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Abang (SMKAKA). Sekolah berkenaan menerima peruntukan berjumlah RM100,000.00 bagi kerja-kerja penyelenggaraan bumbung, tingkap, paip air dapur asrama, saluran air hujan dan salur tegak hujan, sistem kebakaran, panel kawalan, hose *reel* serta sistem dapur. Sekian, terima kasih.